**KENYATAAN TENDER**

Tawaran adalah dipelawa kepada Pembekal yang berkelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam bidang yang tersebut di bawah dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perkara berikut:-

| NO. TENDER / TAJUK TENDER | BIDANG PENDAFTARAN / HARGA DOKUMEN |
|---|---|
| **MDI/FM/KW/476-TP002/2025**<br><br>**TAJUK TENDER :**<br><br>**PERKHIDMATAN MEREKA BENTUK, MEMBEKAL, MEMBINA DAN MENYIAPKAN SERTA MEMBUKA SEMULA RUANG PAMERAN DI DEWAN A, MAEPS, SERDANG BERSEMPENA *SHOWTECH* MARDI 2025, IBU PEJABAT MARDI, SERDANG, SELANGOR** | **1) Syarat-Syarat :-**<br><br>**a. Sijil Kementerian Kewangan**<br>**b. Kod Bidang : 221304 (Audio Visual) / 221305 (Penyediaan Pentas/Pameran Pertunjukan, Taman Hiburan Dan Karnival/Pestaria) / 221615 (Rekabentuk Percetakan (*Printing Design*))**<br>**c. Harga : RM100.00/tender (tidak termasuk cukai SST)**<br><br>**2) Taklimat Tender (Kehadiran adalah diwajibkan)**<br><br>**a. Hanya penama yang dinamakan dalam Sijil MOF sahaja yang boleh menghadiri taklimat tender.**<br>**b. Pembekal tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam Sijil MOF. Sila bawa bersama Sijil MOF sebagai pengesahan.**<br>**c. Kehadiran wakil tidak akan dipertimbangkan untuk menghadiri taklimat.**<br>**d. Syarikat-syarikat yang GAGAL untuk hadir ke sesi Taklimat adalah TIDAK LAYAK untuk menyertai tender ini.**<br><br>**3) Maklumat berkenaan taklimat adalah sepertimana berikut:**<br><br>**Tarikh : 13 Mac 2025 (Khamis)**<br>**Masa : 10.00 pagi**<br>**Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Blok D4, Program Pengurusan Fizikal & Utiliti (AM02), Pusat Pembangunan Dan Pengurusan Harta, Ibu Pejabat MARDI, Serdang, Selangor.** |

Dokumen tender mula dijual dari **13 Mac 2025 sehingga 20 Mac 2025** dan boleh dibeli dengan harga di atas dalam bentuk **wang tunai / wang pos / bank draf** atas nama **Ketua Pengarah MARDI** (Cek persendirian / syarikat tidak diterima) semasa waktu pejabat antara **8:30 pagi sehingga 4:30 petang** di **Program Pengurusan Perolehan, Pusat Pengurusan Kewangan (Blok D4), Ibu Pejabat MARDI, Serdang, Selangor (Tel : 03-8953 7120/7125)** dengan membawa salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF)** dan salinan **Sijil Pematuhan Cukai [*Tax Compliance Certificate (TCC)*].** Kegagalan berbuat demikian menyebabkan dokumen tender tidak akan dikeluarkan.

Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan **ditandatangani** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bermeterai dan ditulis **nombor rujukan tender** di penjuru sebelah kiri sampul berkenaan. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Pusat Pengurusan Kewangan (Blok D4), Ibu Pejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor** dan dokumen yang **diposkan** dengan menggunakan **alamat di atas** hendaklah sampai selewat-lewatnya pada atau sebelum tarikh tutup tender iaitu pada **07 April 2025 (Isnin)** jam **12.00 tengah hari.**

MARDI tidak bertanggungjawab di atas **kelewatan** dokumen tender yang **diposkan** dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

Iklan tender ini boleh didapati melalui laman web MARDI (**http://www.mardi.gov.my**) dan laman web Kementerian Kewangan Malaysia (**https://www.eperolehan.gov.my/**).